



Berikan sinar keceriaan kepada mereka yang layak.



Program ziarah asnaf dapat mengeratkan hubungan dua pihak. - Gambar hiasan.

# Baitulmal

Sinar 3/6/12  
MS 3.

# transformasi ummah

NOOR AINULYAKIN MOHAMAD ISHAK  
noor.ainulyakin@sinarharian.com.my

**M**ajlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui Bahagian Baitulmal dari tahun ke tahun sentiasa mempergiatkan usahanya untuk membantu umat Islam melalui program agihan zakat.

Ini kerana prestasi kutipan zakat yang memberangsangkan di Wilayah Persekutuan membolehkan MAIWP merancang dan melaksanakan pelbagai program serta aktiviti demi manfaat umat Islam.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Dr Mohd Yamin Ismail berkata, pengagihan zakat oleh MAIWP melalui Bahagian Baitulmal pada 2011 meliputi lapan asnaf dilaksanakan sehingga menjangkau RM200 juta berbanding tahun sebelumnya.

pemohon bantuan. Ini sejajar dengan objektif MAIWP iaitu menangani, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan sosioekonomi ummah Islam.

Antara skim bantuan zakat yang disediakan Baitulmal seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan am persekolahan, bantuan perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan membina atau membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah.

"Selain itu Baitulmal juga menyalurkan bantuan tambang dalam atau luar negeri, bantuan segera, bantuan ar-Riqab, bantuan am pelajaran, bantuan pelajar institusi profesional Baitulmal, bantuan kepada agensi-agensi kebajikan dan institusi pendidikan, bantuan Ramadan serta bantuan perubatan," katanya dalam kertas kerja yang dibentangkan

pegawainya, Nizam Yahya.

Di samping itu katanya, Baitulmal juga menyediakan bantuan berbentuk bantuan perkahwinan, bantuan deposit sewa rumah dan sewa rumah bulanan, bantuan menyelesaikan hutang, bantuan musibah dan bantuan Baitulmal atau intensif pelajar cemerlang.

Bantuan peralatan dan kecemasan persekolahan juga diberikan termasuk bantuan tuisyen, bantuan galakan hafazan al-Quran, bantuan pertanian, bantuan deposit membeli motosikal roda tiga, bantuan pelajaran Kolej Kejururawatan Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), bantuan guaman syarie, bantuan persediaan IPT dan bantuan galakan hafazan al-Quran pelajar sekolah.

"Bantuan zakat yang diberikan melalui 28 skim bantuan ini semuanya meliputi aspek pembangunan asnaf, pembangunan ummah, pembangunan akademik dan pembangunan institusi agama," katanya.

## Ringankan beban

Mohd Yamin berkata, syarat umur yang layak menerima bantuan ini mestilah Islam, warganegara Malaysia, bermastautin di Wilayah Persekutuan sekurang-kurangnya tiga tahun dan tertakluk kepada pengiraan had kifayah. Bagi yang bukan Islam juga layak menerima bantuan jika berlaku bencana.

Baitulmal juga katanya, turut membantu asnafnya membangunkan taraf hidup mereka

melalui beberapa program antaranya makanan bulanan dan bantuan kewangan bulanan.

Pemberian makanan bulan diberikan kepada asnaf fakir dan miskin dengan diberikan bantuan seperti beras dan makanan mentah. Seramai 21,000 orang penerima telah menerima bantuan ini di sepanjang tahun 2011

melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.2 juta.

Bantuan kewangan bulanan pula telah diberikan kepada penerima terpilih terdiri daripada 13,314 asnaf fakir, miskin dan muafaf telah menerima bantuan tersebut pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM50.4 juta. Skim bantuan ini bertujuan meringankan beban dan memenuhi keperluan asasi mereka.

"Penerima bantuan ini juga diberikan kursus motivasi dan kemahiran agar mereka dapat berusaha mengubah diri ke tahap yang lebih baik seterusnya terkeluar daripada golongan asnaf.

"Justeru, pada tahun lalu, Baitulmal MAIWP memilih seramai 250 penerima bantuan kewangan bulanan yang mempunyai minat dan berpotensi untuk menceburi bidang perniagaan. Mereka diberi latihan dan bimbingan dalam bidang jahitan, masakan dan bakeri sehingga mampu memulakan perniagaan sendiri, katanya.

## Transformasi agihan

Mohd Yamin menegaskan hala tuju dan fokus Baitulmal MAIWP bagi 2012 adalah berdasarkan kepada sasaran kerja 2009, di mana Baitulmal

Pelbagai bantuan dihulur melalui program agihan zakat

jangkau RM200 juta berbanding tahun sebelumnya.

Menurutnya, jumlah pengagihan berkenaan meningkat disebabkan meningkatnya jumlah



Jangan biarkan golongan asnaf tidak terbela. - Gambar hiasan.



Latihan kemahiran kepada asnaf dapat tingkatkan taraf ekonomi mereka. - Gambar hiasan

kepada sasaran kerja 2009, di mana Baitulmal MAIWP meletakkan fokus utama iaitu transformasi sistem penyampaian agihan zakat yang menjurus kepada penambahbaikan sistem yang sedia ada.

"Hala tuju ini bertujuan meyakinkan masyarakat terhadap agihan zakat dan seterusnya kekal setia menunaikan zakat di Wilayah Persekutuan. Antara kaedah yang akan dilaksanakan melalui strategi ini ialah dengan menjadikan sistem operasi kerja ke arah "totally ICT driven" dan mempercepatkan proses penyampaian agihan zakat.

"Selain itu mahu memaksimumkan agihan zakat sekurang-kurangnya mencapai sasaran yang ditetapkan melalui strategi terancang dan mesra pelanggan, memperkasakan program turun padang seperti jejak asnaf dan ziarah asnaf," katanya.

Oleh itu Mohd Yamin berkata, zakat yang diagihkan dengan berkesan akan meningkatkan tahap sosioekonomi ummah dan membantu mengurangkan kadar kemiskinan.

"Dalam hal ini MAIWP melalui Bahagian Baitulmal MAIWP dalam memperkasakan agihan zakat di Wilayah Persekutuan ini dapat menjadi pemangkin ke arah meningkatkan martabat ummah," katanya.